

# KESAN MACAU SCAM TERHADAP KUALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT

## *THE IMPACT OF MACAU SCAMS ON THE QUALITY OF LIFE IN SOCIETY*

Nuraliah Kaisyah Binti Suhaimi <sup>1</sup>

Ahmad Fahmi Mahamood <sup>2</sup>

Tengku Kasrtiauddin Tengku Yakob <sup>3</sup>

Habee Bullah Affandy <sup>4</sup>

Luqhman Hakim Dahlan Tabah <sup>5</sup>

Zainab Ahmad <sup>6</sup>

<sup>1 2 3 4 5</sup> Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan Dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis

<sup>6</sup> Institut Perguruan Kampus Perlis

Email: Fahmi@unimap.edu.my

### Article history

Received date : 7-5-2025

Revised date : 8-5-2025

Accepted date : 4-6-2025

Published date : 15-7-2025

### To cite this document:

Suhaimi, N. K., Mahamood, A. F., Tengku Yakob, T. K., Affandy, H. B., Tabah, L. H. D., & Ahmad, Z. (2025). Kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 905 - 921.

**Abstrak:** Macau Scam telah menimbulkan masalah dalam kalangan masyarakat yang menyebabkan kualiti kehidupan masyarakat dari segi kewangan dan kebahagiaan terganggu. Dalam kajian ini, penyelidik membuat kajian tentang kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 130 orang responden yang berumur antara 19 tahun hingga 55 tahun dan mereka menggunakan telefon dalam kehidupan seharian yang boleh terdedah kepada jenayah Macau Scam. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif. Kaedah bagi pengumpulan data yang digunakan adalah melalui kaedah borang soal selidik. Hasil yang diperoleh daripada dapatan borang soal selidik telah dimasukkan dan dianalisis di dalam SPSS (Statistical Package for Social Science). Hasil kajian mendapat terdapat hubungan signifikan antara penglibatan dalam Macau Scam dengan faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan Macau Scam. Terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan dalam Macau Scam dengan kesan terhadap kualiti kehidupan masyarakat. Selain itu, Hubungan yang signifikan juga diperolehi antara penglibatan dalam Macau Scam dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi Macau Scam.

**Kata Kunci:** Jenayah dalam talian, Macau Scam

**Abstract:** The Macau Scam has caused issues within the community, leading to disruptions in financial well-being and overall happiness. This study investigates the impact of the Macau Scam on the quality of life in society. The respondents involved in this study comprise 130 individuals aged between 19 and 55 years, who use phones in their daily lives and are

*potentially exposed to Macau Scam crimes. This is a quantitative study. Data collection was carried out through the use of questionnaires. The results obtained from the questionnaires were inputted and analyzed using SPSS (Statistical Package for Social Science). The results of the study found that there is a significant relationship between involvement in Macau Scam and factors that influence the community to be deceived by Macau Scam. There is also a significant relationship between involvement in Macau Scam and the impact on the quality of life of the community. In addition, a significant relationship was also obtained between involvement in Macau Scam and steps that can be taken by the community to overcome Macau Scam.*

**Keywords:** *Online Criminal, Macau Scam*

---

### Pengenalan

Menurut Namri Sidek (2020), asal *Macau scam* atau dikenali juga sebagai penipuan atas talian masih tidak diketahui dan terdapat dua kemungkinan tentang kewujudan *Macau Scam* iaitu sama ada *Macau Scam* berasal dari Macau atau mangsa pertama yang pernah diperdaya oleh *Macau Scam* berasal dari Macau. Kemajuan dunia yang dipengaruhi oleh penggunaan teknologi secara meluas telah memberi peluang serta platform baharu kepada penjenayah *Macau Scam* untuk menjalankan modus operandi mereka melalui pelbagai media. *Macau Scam* dikategorikan sebagai satu jenayah penipuan telekomunikasi (Mohd Shahril Ibrahim, 2020). Penipuan telekomunikasi sering dilakukan oleh *scammer* dengan membuat panggilan telefon secara rawak atau menghantar SMS yang berbentuk amaran kepada masyarakat dan menyamar sebagai pegawai penguatkuasa atau pegawai bank sebelum memperdaya masyarakat supaya mendedahkan maklumat peribadi mereka. Sindiket penipuan atas talian iaitu *Macau Scam* meletakkan anggota mereka di negara terpilih yang tidak mempunyai pertalian secara diplomatik (Namri Sidek, 2020). Taktik *Macau scam* yang sering digunakan adalah membuat panggilan dan menyamar sebagai pihak berkepentingan seperti pegawai bank, kastam dan polis. Di Malaysia, *Macau Scam* dapat ditumpaskan selepas 11 bulan iaitu Dari Januari 2019 hingga November (Namri Sidek, 2020).

*Macau Scam* bukan sahaja menyebabkan kerugian malah memberi kesan jangka masa panjang kepada mangsanya. Walaupun telah banyak kempen yang dibuat untuk mencegah masyarakat dari mempercayai *Macau Scam*, penipuan ini tetap berjaya memperdaya masyarakat dengan menggunakan pelbagai taktik seperti memalsukan dokumen rasmi, menyamar menjadi pegawai penguatkuasa atau menghantar mesej melalui aplikasi Whatsapp. Menurut Mohd Shahril Ibrahim (2020), penjenayah *Macau Scam* berusaha menyamar sebagai pegawai yang mempunyai autoriti, serta mampu membela diri atau mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang. Di antara trend atau taktik yang sering diguna pakai oleh *Macau Scam* adalah menyamar sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang, pegawai bank atau menggunakan dokumen rasmi palsu untuk memperdaya mangsa supaya mendedahkan maklumat sulit (Ethan Yeo, 2023).

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bukan sahaja membawa kemudahan dalam aspek komunikasi dan pengaksesan maklumat, tetapi juga dapat meningkatkan kualiti hidup. Kemudahan yang berada di hujung jari dapat memudahkan masyarakat memperoleh pengetahuan. Dek kerana penggunaan teknologi semakin berkembang, pertumbuhan jenayah yang melibatkan secara atas talian semakin bertambah terutama sekali Macau Scam. Penipuan yang berlaku secara atas talian menyebabkan ramai mangsa yang tidak bersalah mengalami masalah dari segi kewangan dan emosi. Kualiti kehidupan masyarakat pada masa kini agak

terjejas kerana kewujudan jenayah ini sering kali menemukan jalan keluar walaupun telah ditangkap oleh pihak berkuasa.

### Pernyataan Masalah

*Macau scam* telah mengaburi mata masyarakat dengan menggunakan pelbagai taktik untuk memperdaya masyarakat. Penjenayah *Macau Scam* akan membuat masyarakat mempercayai segala yang diterima sama ada melalui panggilan telefon, mesej di aplikasi seperti Whatsapp, Messenger atau dokumen rasmi yang diubah suai. *Macau scam* menjadi masalah kepada masyarakat kerana kebanyakan masyarakat kurang berpengetahuan tentang jenayah atas talian ini (Hidayat Idayu, 2021). Kurangnya pengetahuan tentang *Macau Scam* telah menyebabkan masyarakat mengalami kesukaran untuk mengesan taktik atau trend yang dipakai penjenayah untuk menipu mereka. Masyarakat yang terdiri daripada golongan dewasa atau warga tua yang menggunakan telefon bimbit untuk menjalani kehidupan sehari-hari merupakan sasaran mudah bagi penjenayah Macau Scam. Menurut Mohd Shahril Ibrahim (2020), taktik *Macau Scam* digunakan untuk memperdaya mangsa dan boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada mangsa. *Macau Scam* sering berjaya memperdaya masyarakat kerana kerisauan, dan kekeliruan yang dihadapi oleh masyarakat apabila mereka melihat atau mendengar perkara yang disampaikan oleh scammer membuatkan mereka mudah untuk ditipu.

Mangsa yang ditipu oleh *Macau Scam* berkemungkinan mengalami masalah mental kerana terbeban dengan hutang atau terlambat stress kehilangan jutaan ringgit. Selain menipu dan memperdaya masyarakat untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka, *Macau Scam* juga melakukan pemerdagangan manusia. Mangsa kes *Macau Scam* yang telah ditumbangkan oleh pihak penguatkuasa undang-undang kebanyakannya mengalami kerugian yang sangat besar. Kebanyakkan mangsa sindiket *Macau Scam* ini telah mengaku bahawa mereka mudah percaya dengan permainan psikologi dari sindiket *Macau Scam* (Mohd Shahril Ibrahim, 2020). Taktik licik yang digunakan oleh *Macau Scam* masih berjaya menipu masyarakat walaupun telah banyak amaran yang dikeluarkan oleh pegawai penguatkuasa tentang jenayah ini. Misalnya, seorang jurutera telah mengalami kerugian sebanyak RM 2.9 juta kepada Macau Scam kerana telah ditipu oleh scammer yang menyamar menjadi pegawai polis (Audrey Dermawan, 2023). Golongan bijak pandai juga mudah ditipu oleh *Macau Scam* yang menyamar sebagai penguatkuasa undang-undang. Jenayah *Macau Scam* yang berleluasa menyebabkan ramai masyarakat mengalami kerugian yang besar dan meninggalkan impak yang sangat besar dalam kehidupan mereka.

### Persoalan Kajian

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam*?
2. Apakah kesan *Macau Scam* terhadap kualiti kehidupan masyarakat?
3. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam*

### Objektif Kajian

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam*.
2. Mengenalpasti kesan *Macau Scam* terhadap kualiti hidup masyarakat.
3. Mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam*.

## Hipotesis

Hipotesis kajian yang telah dibentuk untuk mencapai objektif ini adalah seperti berikut:

1. Terdapat hubungan yang signifikan diantara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam*
2. Terdapat hubungan yang signifikan diantara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan kesan *Macau Scam* terhadap kualiti kehidupan masyarakat.
3. Terdapat hubungan yang signifikan diantara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam*.

## Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk memberi pengetahuan kepada pengguna atas talian dalam kalangan masyarakat supaya tidak terperdaya dengan helah dan taktik yang digunakan oleh penjenayah *Macau Scam* untuk mengaburi mata masyarakat. Penipuan yang berjaya memperdaya masyarakat untuk memindahkan sejumlah digit wang ringgit yang besar harus dicegah sebelum berterusan menjadi barah dalam masyarakat. Sekurang-kurangnya kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat untuk tidak mempercayai orang yang tidak dikenali dan selanjutnya memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat. Tambahan pula, *Macau Scam* merupakan penipuan terbesar yang berlaku secara atas talian yang melibatkan harta masyarakat. Masyarakat yang kurang pengetahuan tentang jenayah *Macau Scam* dapat menambah pengetahuan dengan bantuan kajian ini untuk mengelakkan diri daripada terus terpedaya dengan *Macau Scam*. Dengan hasil kajian ini, masyarakat dapat mencegah dari ditipu oleh *Macau Scam* dan kualiti kehidupan lebih baik. Kajian ini juga memberi manfaat kepada pengkaji akan datang kerana mereka mungkin akan dapat rujukan yang diperlukan melalui kajian ini.

## Sorotan Literatur

### Macau Scam

Menurut Nurbazla Ismail et al., (2022), maksud *Macau Scam* dalam undang- undang ialah tindakan memperdaya yang bertujuan untuk menipu individu atau kumpulan masyarakat yang tidak mahir dengan teknologi seperti golongan warga emas. *Macau Scam* dilakukan demi mendapatkan wang yang banyak, dengan cara yang mudah dan akan mengakibatkan kerugian kewangan bagi mangsa yang terlibat. *Macau Scam* merupakan penipuan yang menggunakan teknologi untuk merompak wang atau harta seseorang. *Macau Scam* bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di setiap negara yang telah disasarkan oleh sindiket penipuan tersebut seperti Australia dan Singapore. Sindiket penipuan ini tidak asing lagi dalam era teknologi yang semakin pesat dan sindiket ini amat sukar untuk ditumpaskan kerana iaanya dilakukan oleh ramai penjenayah yang mahir dalam bidang teknologi (Farhanim M.A et al., 2023). Menurut Tan Zu Hao (2023), menipu individu atau golongan yang tidak berbahaya boleh disabitkan dibawah seksyen 420 Kanun Keseksaan, yang menyatakan bahawa menipu diertikan sebagai menipu, secara curang atau tidak jujur mempengaruhi individu lain untuk menyerahkan harta kepada sesiapa yang memintanya.

### Kualiti Kehidupan

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bukan sahaja membawa kemudahan dalam aspek komunikasi dan pengaksesan maklumat, tetapi juga dapat meningkatkan kualiti hidup. Kemudahan yang berada di hujung jari dapat memudahkan masyarakat memperoleh pengetahuan. Dek kerana penggunaan teknologi semakin berkembang, pertumbuhan jenayah yang melibatkan secara atas talian semakin bertambah terutama sekali *Macau Scam*. Penipuan

yang berlaku secara atas talian menyebabkan ramai mangsa yang tidak bersalah mengalami masalah dari segi kewangan dan emosi. Kualiti kehidupan masyarakat pada masa kini agak terjejas kerana kewujudan jenayah ini sering kali menemukan jalan keluar walaupun telah ditangkap oleh pihak berkuasa. Menurut G.A Saliha et al., (2021), kualiti hidup didefinisikan sebagai makna kehidupan yang aman dan baik yakni merujuk kepada kehidupan yang berkualiti tinggi.

### Faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan macau scam

Terdapat faktor yang mempengaruhi masyarakat untuk terus terpedaya dengan *Macau Scam* walaupun jenayah penipuan atas talian ini telah disebarluaskan melalui pelbagai sumber penyampaian maklumat seperti surat khabar, berita dan juga sosial media. Menurut “Learn to recognise” (2020) golongan disebalik *Macau Scam* mencuba banyak helah untuk menipu orang lain. Secara terang-terangan, mereka melakukan *Macau Scam* dengan menggunakan kaedah operasi yang sama, iaitu membuat panggilan kepada mangsa dan menyamar sebagai pihak berkuasa seperti, polis, atau pegawai bank melalui *Voice Over Internet Protocol* (VOIP). Mangsa yang menerima panggilan akan berasa takut dan panik. Hal ini kerana panggilan yang dibuat oleh penjenayah *Macau Scam* menggunakan nada suara yang boleh memanipulasi mangsa yang lemah seperti golongan warga emas untuk mempercayai helah mereka dan mengikut segala arahan (Mubarak et al., 2019). Perkongsian maklumat peribadi seperti nombor akaun bank, kata laluan bank, kod CVV dan nombor TAC kepada individu yang tidak dikenali perlu dielakkan oleh golongan masyarakat kerana ia merupakan titik utama jenayah *Macau Scam* bermula. Kebanyakkan mangsa yang telah terpedaya dengan *Macau Scam* mempunyai kawalan diri yang rendah yang memudahkan mereka untuk mempercayai kata-kata atau peras ugut yang dilakukan oleh penipu (Geshina A.M, 2019). Mangsa menerima panggilan yang tidak dikenali dan mangsa menerima panggilan daripada nombor yang tidak dikenali, tetapi panggilan itu dijawab kerana mangsa curiga terhadap siapa yang mungkin berada di sebalik panggilan tersebut. Apabila mendengar klaim tentang hutang tertunggak, saman yang belum diselesaikan, dan penahanan barang yang dibeli, ini mencetuskan rasa panik dan ketakutan dalam diri mangsa. Kawalan diri yang rendah menyebabkan mangsa mendengar segala arahan yang diberi dan akhirnya terpedaya dengan *Macau Scam*.

Selain penyamaran sebagai pihak berkuasa, penjenayah *Macau Scam* juga menggunakan penyamaran sebagai ahli keluarga atau rakan supaya mangsa lebih percaya. Bagi menjayakan penyamaran sebagai ahli keluarga atau rakan, penipu *Macau Scam* menggunakan *Artificial Intelligence* (AI) untuk meniru suara atau muka insan yang mangsa kenali. Penipuan atas talian yang kerap berlaku menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai pengetahuan, kesedaran dan sikap berwaspada yang sangat lemah dalam bidang teknologi. Hal ini dapat dibuktikan melalui kekerapan kes penipuan dalam talian yang melibatkan mangsa dari pelbagai demografi (Ernawati et al., 2023).

Perkongsian yang berlebihan menyebabkan privasi terancam, dan mengakibatkan aktiviti penipuan mudah dilakukan oleh penjenayah *Macau Scam* (Siti Alpiah et al., 2023). Punca mangsa terjebak dengan *Macau Scam* adalah kerana perkongsian maklumat peribadi sewaktu menerima panggilan palsu daripada pegawai keselamatan, atau pegawai bank. Risiko keselamatan masyarakat tidak dapat dibendung jika mereka kerap kali berkongsi maklumat peribadi di media sosial atau berkongsi secara tidak sengaja kepada orang di sekeliling.

Penggunaan aplikasi *Truecaller* yang semakin meluas menunjukkan bahawa masyarakat telah mengambil langkah berjaga-jaga demi kesejahteraan sendiri (Wahab et al., 2023). Masyarakat

perlu tahu tentang aplikasi yang dapat menghalang mereka daripada terus terperdaya dengan jenayah *Macau Scam* seperti aplikasi *Truecaller* yang akan mendedahkan identiti pemanggil kepada penerima dengan cara menyatakan perkataan *scammer* di skrin telefon.

### **Kesan macau scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat**

*Macau Scam* mempunyai kesan yang besar dan meluas ke atas individu, masyarakat dan juga negara. Kemajuan teknologi melancarkan lagi proses penipuan yang berlaku atas talian melalui pautan yang diantar ke media sosial atau aplikasi, panggilan telefon serta penipuan secara fizikal telah membimbangkan masyarakat. Masyarakat perlu sentiasa berwaspada dengan segala kemungkinan jika tidak ingin terus menjadi mangsa kepada jenayah *Macau Scam* kerana *Macau Scam* memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat yang menjadi mangsa kepada penipuan atas talian tersebut. Kesan yang mendalam dan bersifat jangka panjang akan menyukarkan mangsa untuk mempercayai segala perkara dan menjalani hidup tanpa keraguan. Tidak mengira umur, pangkat atau nama, *Macau Scam* menjadikan siapa sahaja yang disasarkan sebagai mangsa. Hal ini kerana, jenayah *Macau Scam* menjadi musuh ketat kepada masyarakat di Malaysia pada era digital ini (Hafidzahullah, 2021). Penjenayah *Macau Scam* mencuri segala yang berharga daripada masyarakat tanpa mengira umur, pangkat atau tahap pendidikan.

Walaupun berita mengenai jenayah *Macau Scam* sering disebarluaskan melalui alat penyampaian maklumat, *Macau Scam* masih berjaya untuk memperdaya masyarakat sehingga menyebabkan kerugian serta membawa maut. Kerugian yang mencecah jutaan ringgit melibatkan golongan profesional yang telah terpedaya dengan penipuan *Macau Scam* yang menggunakan taktik menyamar sebagai pegawai berkuasa (Noor Atiqah Sulaiman, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa golongan bijak pandai dalam bidang profesional juga tidak mampu untuk mengelak daripada terus terperdaya dengan penipuan *Macau Scam*. Selain itu, kesan yang paling menakutkan adalah apabila masyarakat terdorong untuk terpedaya dengan *Macau Scam* disebabkan oleh ingin mencari pekerjaan dengan mudah. Penipuan *Macau Scam* bukan sahaja melibatkan wang ringgit tetapi juga nyawa. Masyarakat yang tidak mudah mendapat pekerjaan ataupun menginginkan kesenangan dalam masa yang singkat pasti tertipu dengan taktik penipuan kerja sambilan yang digunakan oleh penipu *Macau Scam*. Taktik penipuan kerja yang digunakan oleh penipu adalah dengan menawarkan kerja secara atas talian dan meminta mangsa untuk membayar sejumlah wang sebagai jaminan mangsa memperoleh pekerjaan tersebut.


Wujudnya aplikasi seperti *Truecaller* yang mendedahkan status pemanggil untuk mengelakkan masyarakat terpedaya dengan penjenayah *Macau Scam* amat digalakkan pada era ini. Penggunaan aplikasi *Truecaller* yang semakin meluas menunjukkan bahawa masyarakat telah mengambil langkah berjaga-jaga demi kesejahteraan sendiri (EA Wahab et al., 2023). Masyarakat perlu tahu tentang aplikasi yang dapat menghalang mereka daripada terus terperdaya dengan jenayah *Macau Scam* seperti aplikasi *Truecaller* yang akan mendedahkan identiti pemanggil kepada penerima dengan cara menyatakan perkataan *scammer* di skrin telefon.

### **Langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi macau scam**

Terdapat langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam*. menurut Mohd Shahril Ibrahim, masyarakat perlu lebih cakna tentang Macau Scam dan perlu mengambil tahu isu semasa yang berkaitan dengan *Macau Scam* melalui media semasa yang ada seperti media massa, media sosial dan surat khabar. Melaporkan kepada pihak berkuasa tentang jenayah *Macau Scam* yang berlaku supaya dapat membantu pihak berkuasa untuk

mendapatkan maklumat serta berkongsi maklumat tersebut dengan masyarakat supaya dapat maklumat baru demi menjaga diri sendiri. Selain itu, masyarakat juga perlu menjaga data peribadi dengan tidak berkongsi data penting di mana-mana platform digital supaya tidak memudararkan diri sendiri. Melalui data peribadi, penjenayah dapat mengakses segala maklumat penting yang membolehkan masyarakat menjadi mangsa *Macau Scam*. Menurut Nurbazla Ismail et al., masyarakat juga perlu menggunakan aplikasi yang boleh mengesan serta mencegah penipuan seperti Truecaller untuk memberitahu status pemanggil supaya masyarakat berwaspada sebelum menjawab sebarang panggilan yang tidak dikenali. Masyarakat juga boleh mengambil inisiatif untuk bersama-sama dengan pihak berkuasa mahupun bersama ketua komuniti untuk mengadakan program ceramah yang berkaitan dengan *Macau Scam* supaya dapat memberikan pencerahan lanjut kepada masyarakat yang tidak cakna tentang berita-berita penting yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada mereka.

### Kerangka konseptual



**Rajah 2: Kerangka konseptual kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan Masyarakat**

### Metodologi Kajian

#### Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan pendekatan kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif merujuk kepada pengukuran secara objektif untuk menghasilkan data numerik yang telah dianalisis secara statistik (Ghazali & Saufean, 2016; Othman 2013). Penyelidikan kuantitatif ialah penyiasatan sistematis untuk memahami suatu fenomena dengan mengumpul data berangka dan menganalisisnya menggunakan kaedah statistik, matematik atau pengiraan. Objektif utama pengkaji ingin menggunakan pendekatan kuantitatif adalah untuk menguji kebenaran dan kesahihan ramalam teori dan melihat sama ada teori tersebut masih konsisten.

### Reka Bentuk Kajian

Aspek penting dalam kajian ini merupakan reka bentuk kajian. Hal ini kerana, reka bentuk merupakan panduan kepada pengkaji untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan serta berupaya menjawab persoalan kajian yang dinyatakan. Penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji bertujuan untuk menyingkap tentang kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dalam penyelidikan ini, pengkaji telah memilih pendekatan penyelidikan yang melibatkan deskriptif dan inferensi sebagai usaha untuk menyempurnakan kajian ini. Menurut Husserl (2012) mengembangkan penyelidikan deskriptif dengan matlamat menggambarkan secara sistematik dan terperinci populasi, keadaan, serta fenomena dalam sesuatu kajian. Sementara itu, penyelidikan inferensi ditetapkan dengan niat menyelidik hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang ada dalam penyelidikan ini. Kaedah inferensi merujuk kepada generalisasi yang dibuat berdasarkan data yang dikumpul.

### Populasi Dan Persampelan

Sampel kajian terdiri daripada masyarakat di sekitar kangar, perlis yang menggunakan telefon bimbit untuk urusan sehari-hari. Persampelan rawak mudah dipilih untuk menilai kajian ini. Hal ini kerana, data dan informasi masyarakat yang menjadi responden dalam kajian yang dilakukan bersifat rahsia dan tidak akan diwar-warkan dengan sewenang-wenangnya. Seramai 129 orang sampel masyarakat di Perlis akan dipilih daripada populasi yang terdiri daripada 234,419 masyarakat yang menetap di Perlis. Teknik persampelan ini adalah hasil cadangan perisian G\*Power (2009) mengenai saiz sampel yang boleh digunakan dalam sesuatu kajian. Perisian G\*Power mudah digunakan untuk mengira saiz sampel dan kuasa untuk pelbagai kaedah statistik ( $F$ ,  $t$ ,  $\chi^2$ ,  $Z$  dan ujian tepat) (Kang, 2021). G\*Power juga menyediakan kalkulator saiz kesan dan pilihan grafik.

### Pengumpulan Data

Pengumpulan data boleh dijalankan oleh pengkaji sebaik sahaja penetapan dan pemilihan tajuk kajian menerusi perbincangan antara penyelia dan pengkaji telah dilakukan. Pengkaji perlu menyediakan satu rangka kerja yang akan digunakan sebagai pengukur dalam melakukan kajian ini. Pengkaji akan memperoleh kebenaran dan persetujuan penyelia untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji perlu membina soalan soal selidik untuk diagihkan kepada sampel kajian. Soal selidik yang dibina adalah berpandukan daripada soalan soal selidik dalam kajian-kajian lepas. Borang soal selidik akan diagihkan kepada responden secara rawak dan diberikan melalui atas talian. Penerangan pendek tentang borang soal selidik akan diberikan oleh pengkaji kepada responden untuk mengelakkan berlaku kesalahan sepanjang responden menjawab. Terdapat beberapa bahagian yang perlu dijawab oleh responden dalam borang soal selidik yang diedarkan. Responden perlu menjawab semua bahagian yang tertera di dalam *google form* yang akan diedarkan secara atas talian.

### Analisis Data

Data yang diperoleh melalui pengedaran borang soal selidik akan dianalisis oleh pengkaji. Data yang diperoleh dianalisis untuk memastikan pilihan jawapan para responden menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menganalisis kajian yang berbentuk kuantitatif. Analisis deskriptif digunakan adalah untuk meringkaskan data kajian yang diperoleh oleh pengkaji. Analisis deskriptif digunakan bagi soalan bahagian A iaitu soalan berkaitan dengan demografi responden manakala soalan soal selidik bahagian B, C, D dan E adalah menggunakan inferensi korelasi dalam menganalisis data dan maklumat yang diperoleh berkaitan dengan responden kajian ini. Data yang diperoleh akan diproses dengan menggunakan perisian statistik SPSS (*Statistical Package for Social Science*).

## Hasil Kajian

### Demografi Responden

#### Jantina Responden

Taburan kekerapan yang dipaparkan dalam jadual 6 menunjukkan hasil taburan daripada 130 orang responden yang mengambil bahagian dalam menjawab soal selidik ini. Menerusi jadual 4, seramai 54 orang responden adalah daripada jantina lelaki manakala baki 76 orang responden adalah jantina perempuan. Manakala bagi peratusan yang dicatatkan adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual 4 iaitu sebanyak 41.5% responden lelaki manakala 58.5% lagi adalah terdiri daripada responden perempuan.

**Jadual 6: Jantina Responden**

<b>Jantina Responden</b>	<b>Frekuensi (<i>f</i>)</b>	<b>Peratusan(%)</b>
Lelaki	54	41.5
Perempuan	76	58.5
Jumlah	130	100

N = 130

#### Umur Responden

Analisis umur responden berdasarkan kajian ini dipaparkan dalam jadual 7 Seramai 78 orang responden kajian ini berumur antara 19-35 tahun manakala seramai 52 responden adalah berumur dalam lingkungan 36-55 tahun. Peratusan yang dicatatkan bagi umur responden adalah seperti berikut, 60% adalah dari kalangan yang berumur antara 19-35 tahun manakala 40% adalah daripada responden berumur 36-55 tahun.

**Jadual 7: Umur Responden**

<b>Umur Responden</b>	<b>Frekuensi (<i>f</i>)</b>	<b>Peratusan(%)</b>
19-35 tahun	78	60
36-55 tahun	52	40
Jumlah	130	100

N = 130

#### Tahap Pendidikan Responden

Berdasarkan jadual 8 di bawah, jelas dapat diperlihatkan bahawa responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini terdiri daripada 4 tahap pendidikan iaitu SPM,STPM/Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Menerusi jadual tersebut, seramai 56 responden mempunyai tahap pendidikan SPM, 13 responden mempunyai tahap pendidikan STPM/Sijil, 10 orang responden mempunyai tahap pendidikan Diploma manakala 51 orang responden lain mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda. manakala bagi peratusan yang dicatatkan pula, sebanyak 43.1% responden mempunyai tahap pendidikan dalam SPM, 10.0% responden mempunyai tahap pendidikan dalam STPM/Sijil, 7.7% responden mempunyai tahap pendidikan dalam Diploma dan 39.2% responden mempunyai tahap pendidikan dalam Ijazah Sarjana Muda.

**Jadual 8: Tahap Pendidikan Responden**

Tahap Pendidikan Responden	Frekuensi ( <i>f</i> )	Peratusan(%)
SPM	56	43.1
STPM/Sijil	13	10.0
Diploma	10	7.7
Ijazah Sarjana Muda	51	39.2
Jumlah	130	100

N = 130

**Faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan Macau Scam**

Di bahagian ini, terdapat 8 buah soalan yang diajukan oleh pengkaji. Soalan- soalan yang diajukan adalah soalan-soalan yang mempunyai perkaitan dengan faktor- faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan Macau Scam. data yang dikumpul, dianalisis dan dipaparkan dalam jadual di bawah.

**Jadual 9: Min dan Sisihan Piawai Faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan Macau Scam**

Item	Min	Sisihan Piawaian
1. Saya yakin perkembangan teknologi mewujudkan ruang untuk penjenayah melakukan Macau Scam.	4.72	0.513
2. Saya sedar bahawa kurang pengetahuan tentang Macau Scam merupakan faktor utama masyarakat terpedaya dengan Macau Scam.	4.74	0.616
3. Saya percaya bahawa perkongsian maklumat diri di media sosial dapat menarik perhatian penjenayah	4.80	0.504
4. Saya yakin saya tidak perlu menjawab panggilan yang tidak dikenali	4.57	0.756
5. Saya sedar bahawa emosi yang stabil dapat mengurangkan risiko jika saya menghadapi jenayah Macau Scam	4.64	0.668
6. Saya yakin bahawa pendirian yang tetap dapat mengurangkan kemungkinan saya diperdaya oleh Macau Scam	4.66	0.629
7. Saya sedar bahawa perkongsian maklumat peribadi di media sosial dapat mengundang jenayah Macau Scam	4.84	0.402
8. Saya sedar bahawa kurang pengetahuan tentang Macau Scam dalam kalangan masyarakat menyumbang kepada peningkatan kes tersebut.	4.78	0.497

Jadual 9 menunjukkan taburan responden yang menjawab soalan kajian berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan Macau Scam. item pertama adalah, saya yakin perkembangan teknologi mewujudkan ruang untuk penjenayah melakukan Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.72 manakala sisihan piawainya adalah 0.513. Seterusnya adalah bagi item kedua iaitu saya sedar bahawa kurang pengetahuan tentang Macau Scam merupakan faktor utama masyarakat terpedaya dengan Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.73 dan sisihan piawainya adalah 0.616. Item yang ketiga pula adalah saya percaya bahawa perkongsian maklumat diri di media sosial dapat menarik perhatian penjenayah. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.80 dengan sisihan piawai berjumlah 0.504. Selanjutnya, item keempat adalah saya yakin saya tidak perlu menjawab panggilan yang tidak dikenali. Min bagi

item ini adalah 4.57 dan sisihan piawai sebanyak 0.756. Item kelima adalah saya sedar bahawa emosi yang stabil dapat mengurangkan risiko jika saya menghadapi jenayah Macau Scam. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.64 dan sisihan piawai berjumlah 0.668. Item keenam adalah saya yakin bahawa pendirian diri yang tetap dapat mengurangkan kemungkinan saya diperdaya oleh Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.66 dan sisihan piawai sebanyak 0.629. Bagi item ketujuh iaitu saya sedar bahawa perkongsian maklumat peribadi di media sosial dapat mengundang jenayah Macau Scam. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.84 dan sisihan piawai sebanyak 0.402. Bagi item terakhir iaitu item kelapan, saya sedar bahawa kurang pengetahuan tentang Macau Scam menyumbang kepada peningkatan kes tersebut. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.78 dan sisihan piawainya adalah 0.497.

### **Kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat**

Di bahagian ini terdapat tujuh soalan yang diajukan oleh pengkaji. Soalan-soalan yang ditanya adalah soalan-soalan yang mempunyai perkaitan dengan kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat. Data yang dikumpul, dianalisis dan dipaparkan dalam jadual diabawah.

**Jadual 10: Min dan Sisihan Piawai Kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan Masyarakat**

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawaian</b>
1. Saya yakin bahawa Macau Scam dapat memberi trauma kepada masyarakat	4.78	0.482
2. Saya tahu bahawa masyarakat akan mengalami kerugian yang besar jika terpedaya dengan Macau Scam	4.84	0.402
3. Saya yakin Macau Scam dapat memudaratkan kesihatan mental dan fizikal masyarakat yang terlibat	4.73	0.567
4. Saya sedar bahawa maklumat peribadi yang dikongsi di media sosial dapat menjadikan masyarakat mangsa Macau Scam	4.79	0.460
5. Saya berpendapat bahawa kualiti kehidupan masyarakat terkesan jika jenayah Macau Scam tidak dibendung	4.78	0.556
6. Saya amat berhati-hati ketika melayari pautan yang dikongsikan oleh individu yang tidak dikenali	4.81	0.462
7. Saya berpendapat bahawa masyarakat perlu kerap mengambil tahu perkembangan tentang jenayah Macau Scam	4.81	0.427

Jadual 10 di atas menunjukkan taburan responden yang menjawab soalan kajian berkaitan dengan kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat. Item yang pertama adalah saya yakin bahawa Macau Scam dapat memberi trauma kepada masyarakat. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.78 manakala sisihan piawai sebanyak 0.482. Item kedua pula adalah saya tahu bahawa masyarakat akan mengalami kerugian yang besar jika terpedaya dengan Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.84 dan sisihan piawai sebanyak 0.402. Seterusnya, item ketiga adalah saya yakin Macau Scam dapat memudaratkan kesihatan mental dan fizikal masyarakat yang terlibat. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.73 manakala sisihan piawai sebanyak 0.567. Bagi item yang keempat iaitu saya sedar bahawa maklumat peribadi yang dikongsi di media sosial dapat menjadikan masyarakat mangsa Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.79 dan

sisihan piawai adalah 0.460. Bagi item kelima iaitu saya berpendapat bahawa kualiti kehidupan masyarakat terkesan jika jenayah Macau Scam tidak dibendung. Min bagi item ini adalah 4.78 dan sisihan piawai berjumlah 0.556. Selanjutnya, item keenam adalah saya amat berhati-hati ketika melayari pautan yang dikongsikan oleh individu yang tidak dikenali. Min bagi item ini adalah 4.81 dan sisihan piawai berjumlah 0.462. Bagi item yang terakhir iaitu yang ketujuh adalah saya berpendapat bahawa masyarakat perlu kerap mengambil tahu perkembangan tentang jenayah Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.81 dan sisihan piawainya adalah 0.427.

### **Langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi Macau Scam**

Di bahagian ini terdapat 6 buah soalan yang diajukan oleh pengkaji. Soalan-soalan yang ditanya adalah soalan-soalan yang mempunyai perkaitan dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi Macau Scam. Data yang dikumpul, dianalisis dan dipaparkan dalam jadual dibawah.

**Jadual 11; Min dan Sisihan Piawai Langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi Macau Scam**

Item	Min	Sisihan Piawaian
1 Saya sedar bahawa perkongsian maklumat peribadi di media sosial tidak perlu dilakukan jika tidak berkepentingan	4.83	0.427
2 Saya berpendapat bahawa kerajaan perlu memberi informasi secara berperingkat tentang jenayah Macau Scam kepada masyarakat	4.80	0.499
3 Saya sedar betapa pentingnya penggunaan aplikasi yang dapat menghalang masyarakat dari terjebak dengan Macau Scam	4.76	0.539
4 Saya sedar bahawa sebarang panggilan yang tidak dikenali tidak perlu diangkat	4.61	0.697
5 Memaklumkan jenayah Macau Scam kepada pihak berkuasa merupakan perkara utama yang perlu dilakukan oleh masyarakat jika berhadapan dengan situasi tersebut	4.80	0.438
6 Saya berpendapat bahawa kerajaan sepatutnya mewujudkan laman web khas yang mempunyai sistem perkongsian maklumat serta sistem aduan untuk penipuan atas talian	4.73	0.581

Jadual 11 di atas menunjukkan taburan responden yang menjawab soalan kajian berkaitan dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi Macau Scam. Item pertama merupakan saya sedar bahawa perkongsian maklumat peribadi di media sosial tidak perlu dilakukan jika tidak berkepentingan. Min bagi item ini adalah 4.83 dan sisihan piawainya adalah 0.427. Seterusnya, bagi item kedua iaitu saya berpendapat bahawa kerajaan perlu memberi informasi secara berperingkat tentang jenayah Macau Scam kepada masyarakat. Min bagi item ini adalah 4.80 dengan sisihan piawai sebanyak 0.499. Item ketiga adalah saya sedar betapa pentingnya penggunaan aplikasi yang dapat menghalang masyarakat dari terjebak dengan Macau Scam. Min bagi item ini sebanyak 4.76 dengan sisihan piawainya 0.539. Selanjutnya, item yang keempat iaitu saya sedar bahawa sebarang panggilan yang tidak dikenali tidak perlu diangkat. Min bagi item ini adalah 4.61 dan sisihan piawai sebanyak 0.697. Item kelima bagi bahagian ini adalah memaklumkan jenayah Macau Scam kepada pihak berkuasa

merupakan perkara utama yang perlu dilakukan oleh masyarakat jika berhadapan dengan situasi tersebut. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.80 dengan sisihan piawai sebanyak 0.438. Item yang terakhir iaitu saya berpendapat bahawa kerajaan sepatutnya mewujudkan laman web khas yang mempunyai sistem perkongsian maklumat serta sistem aduan untuk penipuan atas talian. Min bagi item terakhir ini adalah sebanyak 4.73 dengan sisihan piawai sebanyak 0.581.

### **Penglibatan dalam Macau Scam**

Di bahagian ini terdapat 7 buah soalan yang diajukan oleh pengkaji. Soalan-soalan yang ditanya adalah soalan-soalan yang mempunyai perkaitan dengan penglibatan dalam Macau Scam. Data yang dikumpul, dianalisis dan dipaparkan dalam jadual dibawah.

**Jadual 12: Min dan Sisihan Piawai Penglibatan dalam Macau Scam**

	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawaian</b>
1	Saya pernah terpedaya dengan Macau Scam	1.77	1.348
2	Saya sedar penipuan atas talian telah banyak dilaporkan namun terdapat masyarakat yang masih terpedaya dengan penjenayah Macau Scam	4.71	0.573
3	Aktiviti yang memberikan keuntungan dengan cepat dan mudah merupakan punca penglibatan penjenayah dalam Macau Scam	4.71	0.560
4	Masyarakat yang mudah mempercayai individu yang tidak dikenali merupakan masyarakat yang sering terpedaya dengan Macau Scam	4.71	0.637
5	Saya yakin perkongsian data peribadi di media sosial memudahkan penjenayah melakukan aktiviti penipuan terhadap masyarakat	4.76	0.510
6	Saya sedar bahawa jenayah Macau Scam mempengaruhi kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat	4.78	0.482
7	Saya sedar kualiti kehidupan masyarakat akan mengalami perubahan dari segi kewangan dan kebahagiaan jika terlibat dengan Macau Scam	4.76	0.474

Jadual 12 di atas menunjukkan taburan responden yang menjawab soalan kajian berkaitan dengan penglibatan dalam Macau Scam. item yang pertama merupakan saya pernah terpedaya dengan Macau Scam. Min bagi item ini sebanyak 1.77 dengan sisihan piawai sebanyak 1.348. Seterusnya, item kedua iaitu saya sedar penipuan atas talian telah banyak dilaporkan namun terdapat masyarakat yang masih terpedaya dengan penjenayah Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.71 dengan sisihan piawai sebanyak 0.573. Bagi item ketiga iaitu aktiviti yang memberikan keuntungan dengan cepat dan mudah merupakan punca penglibatan penjenayah dalam Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.71 dengan sisihan piawai sebanyak 0.560. Selanjutnya, item keempat merupakan masyarakat yang mudah mempercayai individu yang tidak dikenali merupakan masyarakat yang sering terpedaya dengan Macau Scam. Min bagi item ini adalah 4.71 dengan sisihan piawai sebanyak 0.637. Item yang kelima adalah saya yakin perkongsian data peribadi di media sosial memudahkan penjenayah untuk melakukan aktiviti terhadap masyarakat. Min bagi item ini adalah 4.76 dengan sisihan piawai sebanyak 0.510. Item yang keenam merupakan saya sedar bahawa jenayah Macau Scam mempengaruhi kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.78 dengan sisihan piawai sebanyak 0.482. Item yang terakhir iaitu saya sedar kualiti kehidupan masyarakat akan

mengalami perubahan dari segi kewangan dan kebahagiaan jika terlibat dengan Macau Scam. Min bagi item ini adalah sebanyak 4.76 dan sisihan piawainya sebanyak 0.474.

### **Hubungan antara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam***

Berdasarkan jadual 13 di bawah, pengkaji mendapati kekuatan hubungan signifikan antara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam* adalah bersamaan  $r=.625$  iaitu hubungan yang sangat kuat antara kedua-dua pembolehubah. Hal ini demikian kerana, nilai  $p=.001$  lebih kecil berbanding 0.05, maka hipotesis diterima. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan Macau Scam dengan kesan Macau Scam terhadap kualiti kehidupan masyarakat.

**Jadual 13: Korelasi antara Penglibatan dengan Faktor**

<b>Korelasi</b>			
		<b>PENGLIBATAN</b>	<b>FAKTOR</b>
Penglibatan	Pearson Correlation	1	.625**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	130	130
Faktor	Pearson Correlation	.625**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	130	130

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

### **Hubungan antara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan Kesan *Macau Scam* terhadap kualiti kehidupan masyarakat**

Berdasarkan jadual 14 di bawah, pengkaji mendapati kekuatan hubungan signifikan antara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan kesan *Macau Scam* terhadap kualiti kehidupan masyarakat adalah bersamaan  $r=0.692$  di mana ia merupakan hubungan yang tinggi antara kedua-dua pembolehubah. Hal ini demikian kerana nilai  $p=.001$  lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis diterima. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan Macau Scam dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi Macau Scam.

**Jadual 14: Korelasi antara Penglibatan dengan Kesan**

<b>Korelasi</b>			
		<b>PENGLIBATAN</b>	<b>KESAN</b>
Penglibatan	Pearson Correlation	1	.692**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	130	130
Kesan	Pearson Correlation	.692**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	130	130

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

### **Hubungan antara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam*.**

Berdasarkan jadual 15 di bawah, pengkaji mendapati kekuatan hubungan signifikan antara penglibatan dalam *Macau Scam* dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam* adalah bersamaan  $r=.649$  di mana ia merupakan hubungan yang tinggi antara kedua-dua pembolehubah. Hal ini demikian kerana nilai  $p=.001$  lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis diterima. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam* dengan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam*.

**Jadual 15: Korelasi antara Penglibatan dengan Langkah**

		<u>Korelasi</u>	
		<b>PENGLIBATAN</b>	<b>LANGKAH</b>
<b>Penglibatan</b>	Pearson Correlation	1	.649**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	130	130
<b>Langkah</b>	Pearson Correlation	.649**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	130	130

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

### **Kesimpulan**

Hasil kajian ini dapat membantu pelbagai lapisan masyarakat terutamanya, para pengkaji, ahli akademik dan pentadbiran negara untuk lebih memahami tentang *Macau Scam*. Ini disebabkan faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam*, kesan *Macau Scam* terhadap kualiti kehidupan masyarakat, langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam* amat penting untuk mengetahui lebih lanjut tentang penglibatan dalam *Macau Scam*. Semoga kajian ini dapat membantu dari aspek faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat terpedaya dengan *Macau Scam*, kesan *Macau Scam* terhadap kualiti kehidupan masyarakat dan langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengatasi *Macau Scam*.

## Rujukan

- Abdul Wahab, E., Pitchan, M. A., & Salman, A. (2023). Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Masyarakat di kuala lumpur terhadap kempen pencegahan Jenayah Penipuan Dalam Talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 240–258. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2023-3901-14>
- Binti Rosley, N. A., bin Hashim, H., & Jen-T'Chiang, N. Z. C. (2023). The Issues of Macau Scam in Malaysia: An Analysis from Perspective Maqasid Syariah.
- Bin, M. F. Social Media and Knowledge Management Disruptive Technology.
- Ilyas, I. Y., Ridzuan, M. D., Mohideen, R. S., & Bakar, M. H. (2022). Level of awareness and understanding towards money mule among Malaysian citizens. *Journal of Accounting and Finance in Emerging Economies*, 8(3). <https://doi.org/10.26710/jafee.v8i3.2451>
- Ismail, N., Ramlee, Z., & Abas, A. (2021). Is the Macau scam a fraud? *Journal of Financial Crime*, 29(1), 342–354. <https://doi.org/10.1108/jfc-01-2021-0007>
- Ismail, N., Ramlee, Z., & Abas, A. (2022). The legal proof of Macau scam in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10(1), 23–33. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol10no1.307>
- Misman, N., Adnan, H. M., & Firdaus, A. S. (2019). ‘The Devil Other’: Crime News Discourses and Foreign Nationals in Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(1), 1-13.
- Mohamad Asri, F., & Tengku Mahamad, T. E. (2023). Anatomy of phone scams: Victims’ recall on the communication phrases used by phone scammers. *Proceedings of the 8th International Conference on Communication and Media 2022 (i-COME 22)*, 498–509. [https://doi.org/10.2991/978-2-38476-098-5\\_43](https://doi.org/10.2991/978-2-38476-098-5_43)
- M Reiners, G. (2012). Understanding the differences between Husserl’s (descriptive) and Heidegger’s (interpretive) Phenomenological Research. *Journal of Nursing & Care*, 01(05). <https://doi.org/10.4172/2167-1168.1000119>
- Rameli, N., & Ramli, F. (2019). Urbanisasi Dan Kualiti hidup: Satu Kajian Literatur Komprehensif. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 1(2). <https://doi.org/10.30880/jstard.2019.01.02.004>
- Ramlan, N., Doll Kawaid, I. S., Abd Kadir, K., & Zainol, N. N. (Eds.). (2023). International Conference On Quran As Foundation Of Civilization (SWAT2023) . Penerbit USIM.
- Rani, M. I. A., Zolkaflil, S., & Nazri, S. N. F. S. M. (2022). The money mule red flags in anti-money laundering transaction monitoring investigation. *International Journal of Business and Economy*, 4(1), 150-163.
- Razali, N. B. (2022). The Influential Factors Of Scam Activities During The Covid- 19 Pandemic (Doctoral dissertation, Universiti Selangor).
- Rosli, M. S. Z., Shakir, N. I. A. A., Ilyas, I. Y., Bakar, M. H., Mohideen, R. S., & Zakaria,M. H. A. M. (n.d.). *The level of awareness towards money mules in Malaysia*. E. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ejoms/article/view/17372>
- Sulaiman, W.S.W., Murad, F.A., Saat, G.A.M., Khairudin, R., Mokhtar, D.M.M., Mariamdaran, S., Shaari, A.H., & Kamaluddin, M.R. (2022). Development and validation of Scam Victimization Risk Inventory (SVR-I) among Malaysian population. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 25(S5), 1-15.
- Warren, C., Becken, S., & Coghlan, A. (2016). Using persuasive communication to co- create behavioural change – engaging with guests to save resources at Tourist Accommodation Facilities. *Journal of Sustainable Tourism*, 25(7), 935–954. <https://doi.org/10.1080/09669582.2016.1247849>
- Wilson, S., Hassan, N. A., Khor, K. K., Sinnappan, S., Abu Bakar, A. R., & Tan, S. A. (2023). A holistic qualitative exploration on the perception of scams, scam techniques and effectiveness of anti-scam campaigns in Malaysia. *Journal of Financial Crime*.

Vedamanikam, M., & Chethiyar, S. D. M. (2020). Money mule recruitment among university students in Malaysia: Awareness perspective. *Pupil: International Journal of Teaching, Education and Learning*, 4(1), 19-37.

Zolkafil, S. Z. S., Nadzri, F. A. A., Sharifah Nazatul Faiza Syed Mustapha Naz, & Azemi, A. (2023). *Exploring money mule recruitment: An initiative in Combating money laundering*. International Journal of Business and Economy. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijbec/article/view/21131>